

26/11/1997

Apec disaran laksana dasar ekonomi kukuh

VANCOUVER, Selasa - Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine K Albright berpendapat jawapan kepada masalah kewangan yang mengancam dunia sekarang ialah setiap negara perlu melaksanakan satu dasar ekonomi yang kukuh.

Sehubungan itu, katanya, negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) mesti memikul tanggungjawab bersama untuk mewujudkan dasar yang berkesan itu.

"Di Vancouver ini, kita semua bertemu ketika yakin bahawa keajaiban Asia tetap muncul di sebalik masalah kewangan yang melanda.

"Semua negara Asia Pasifik mesti memikul tanggungjawab untuk menguatkuasakan dasar ekonomi kukuh.

"Ini adalah penting walaupun langkah itu pahit dan menyakitkan," katanya pada sidang Kemuncak Ketua Eksekutif Sektor Swasta negara Apec di sini, semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mahu mesyuarat ketua negara Apec esok menerima cadangan supaya mewujudkan dasar peraturan urus niaga mata wang yang telus.

Albright juga mahu Apec memperjuangkan dasar perdagangan bersih di sebalik pelbagai usaha menggalakkan anggotanya membuka pasaran.

Beliau berkata, Amerika percaya Apec boleh berbuat lebih daripada apa yang dicapai kini selaras kehendak institusi dan pertubuhan antarabangsa dalam hal ehwal dagang.

Melihat ke depan, katanya, Apec mempunyai peluang cerah untuk melaksanakan kemajuan menerusi kerjasama yang telus antara kerajaan dan sektor swasta semua negara anggota.

"Bagaimanapun, Amerika mahu melihat Apec bukan sahaja komited kepada usaha gigih meningkat dagangan dan meliberalisasikan pasaran tetapi juga memperjuangkan dasar perdagangan bersih.

"Pada konvensyen OECD bagi menangani jenayah dan rasuah perdagangan beberapa hari lalu, beberapa negara Apec bersetuju dengan usaha itu.

"Namun sokongan beberapa negara Apec sahaja tidak mencukupi.

"Amerika mahu semua negara anggota turut menangannya," kata beliau.

Albright berkata, Apec bagi 1997 sekali lagi memainkan peranan sebagai pemangkin dan persetujuan peringkat menteri Sabtu lalu ke arah usaha mengadakan peraturan meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan adalah isyarat jelas kepada pelabur bahawa kerjasama gigih mengekalkan lagi persekitaran pertumbuhan yang menggalakkan.

Mengalu-alukan pembukaan awal sembilan sektor tertentu yang dicapai pada mesyuarat peringkat menteri, Albright berkata, ia adalah persetujuan penting sebagai menandakan kesungguhan dalam Apec.

(END)